

Buletin

PADAT

PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN NEGERI SELANGOR



ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR TUNGGAK PERADABAN NEGERI | BIL. 1 JANUARI - JUN 2015 | www.padat.gov.my



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN
HARI MUZIUM ANTARABANGSA
PERINGKAT NEGERI SELANGOR
2015

4

BENKEL PERACUAN
ARTIFAK

7

WACANA MUZIUM
2015

10

SEKAPUR SIREH



Mohd Faizul Fitri Bin Muslil, P.P.T
Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Adat Melayu
dan Warisan Negeri Selangor
(PADAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadirat Illahi di atas penerbitan Buletin PADAT Bil.1 edisi Januari-Jun 2015. Segunung tahniah diucapkan kepada semua kakitangan PADAT di atas usaha keras dalam menganjurkan pelbagai program yang menarik demi mencapai prestasi yang terbaik.

Sekali lagi ucapan tahniah daripada saya di atas penganjuran Hari Muzium Antarabangsa 2015 peringkat Negeri Selangor yang telah berlangsung mulai 9 hingga 15 Jun 2015. Sambutan yang sangat menggalakkan dari orang awam jelas membuktikan bahawa muzium masih kekal dalam hati sanubari dan dicintai oleh masyarakat sejagat.

Saya berharap pelbagai program seperti ini akan terus dilaksanakan agar dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk berkunjung ke muzium, seterusnya dapat mencapai visi ke arah menjadikan Selangor sebagai pusat unggul serantau dalam memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

SIDANG REDAKSI

Penaung

YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
Pengurus PADAT

Penasihat

Mohd Faizul Fitri Bin Muslil P.P.T
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Editor

Mohd. Lotfi bin Nazar

Editor

Abdullah Anas bin Abu Bakar
Aznizah binti Kamisan

Fotografi

Ali Imran bin Mohd Raus
Reeza Radzi bin Rosnan

Edaran

Farhani binti Shamsudin
Rafida binti Rahmat

Terbitan

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
d/a Muzium Sultan Alam Shah
Persiaran Bandaraya 40000 Shah Alam, Selangor

Telefon

03-5519 0050/ 03-5519 7604/ 03-5510 3190/ 03-5510 3220

Faks

03-5510 1799

Website

www.padat.gov.my

Emel


info@padat.gov.my

Buletin PADAT diterbitkan dan diedarkan dua kali setahun. Sebarang pendapat dan fikiran yang tersiar di dalam Buletin PADAT tidak semestinya mencerminkan pendapat dan fikiran pengurusan PADAT. Kandungan yang diterbitkan boleh disiarkan semula dengan izin Ketua Editor Buletin PADAT. Sidang Redaksi mengalukan berita dan rencana daripada kakitangan jabatan. Sidang redaksi juga berhak menyunting bahan-bahan berkenaan.

ANDA MAHU MENYUMBANG ARTIKEL UNTUK JURNAL SERI ALAM?

Sumbangan penulisan artikel Jurnal Seri Alam adalah terbuka kepada penulis dari dalam atau luar PADAT dan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris. PADAT sedia menerima sebarang artikel yang berkaitan sejarah, kesenian, kebudayaan, ekonomi, arkeologi, bahasa, pendidikan, ilmu kejadian dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan Alam Melayu khususnya negeri Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut sila layari
www.padat.gov.my



AKTIVITI SEPANJANG BULAN JANUARI - JUN 2015

JAN

Perarakan Maulidur Rasul	3 Januari
Misi Bantuan Banjir Ke Muzium Kelantan	8 – 12 Januari
Pelantikan Ahli Jawatankuasa MBJ	27 Januari
Pameran Sempena Temasya Selangor' 15	29 Jan-1 Feb

FEB

Jasamu Dikenang Pn. Hajah Azlinda Azman	25 Feb
------------------------------------------------	--------

MAC

We Are The Host	12 Mac
Mesyuarat Agung KRKLMS	17 Mac
Program Kampungku Kesayanganku '3K' Daerah Sabak Bernam	20-21 Mac
Bengkel Konservasi Bangunan Warisan Selangor	24-25 Mac
Program Kampungku Kesayanganku '3K' Daerah Kuala Selangor	27-28 Mac
Taklimat Integriti Penjawat Awam	31 Mac

APR

Bengkel Manual Prosedur Kerja (MPK) Dan Fail Meja (FM)	8-9 April
Pameran Sempena Festival Nasi Ambeng 2015	17-18 April
Program Kampungku Kesayanganku '3K' Daerah Klang	24-25 April
Pameran Supermok Sempena Karnival Sambutan	
Ulangtahun Ke 50 Penubuhan Lembaga Muzium Pulau Pinang	27 April-3 Mei

MEI

Bengkel Tuntutan Perjalanan Elaun Lebih Masa	11-12 Mei
Bengkel Penyediaan Pengurusan Pemuliharaan (CMP)	
Istana Bandar Kuala Langat	14-15 Mei
Program 5S	18 Mei
Program Kampungku Kesayanganku '3K' Daerah Kuala Langat	22-23 Mei
APPC 2015	25 Mei
Program Muzium Turun Ke Sekolah	28 Mei
Mega Food Festival	30 – 31 Mei

JUN

Audit Pemantauan Pertama Ms ISO 9001:2008	2 Jun
Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa	
Peringkat Negeri Selangor 2015	9 Jun
Bengkel Peracuan Artifak	10-11 Jun
Majlis Tahlil dan Ceramah Agama	12 Jun
Kembara Muzium	13-14 Jun
Wacana Muzium	15 Jun
Kursus Emergency Response Team (ERT) Siri 2	16-17 Jun



YB Dato' Dr. Ahmad Yunus menyempurnakan gimik perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor 2015.

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2015

OLEH : RIZAL BIN MUHAMAD JANAH

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Tahun 2015 Peringkat Negeri Selangor (HMA 2015) telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, juga merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) Dato' Mazalan bin Md Noor, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (Dasar) Encik Kamarul Baharin bin A. Kassim, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) Encik Abd Razak bin Maksud serta diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Encik Mohd Faizul Fitri bin Musliil.

Ketibaan YB Dato' Dr. Ahmad Yunus disambut dan dibawa melawat ke perkarangan Muzium Sultan Alam Shah di mana tempat berlangsungnya Pertandingan Mewarna dan Melukis Kanak-Kanak. Lebih 300 orang kanak-kanak yang terdiri daripada murid-murid pra-sekolah serta murid-murid sekolah kebangsaan dan menengah seawal usia 5 tahun hingga 17 tahun menyertai pertandingan tersebut diiringi guru dan ibu bapa serta penjaga.

Kemudian, YB Dato' Dr. Ahmad Yunus dan para jemputan dibawa ke ruang hadapan pakir muzium bagi melihat secara langsung Pertandingan Seni Jalanan atau lebih dikenali dengan seni lukisan graffiti yang bertemakan "Muzium Warisan dan Kesenian". Sebanyak 10 panel berukuran 12 kaki X 8 kaki tinggi, disediakan oleh pihak PADAT bagi menjayakan aktiviti tersebut dengan penyertaan lebih daripada 20 orang peserta. Selepas selesai beramah mesra dengan peserta, YB Dato' Dr. Ahmad Yunus dan para jemputan diarak masuk ke ruang legar muzium untuk menyaksikan demonstrasi Adat Perkahwinan Melayu Selangor.

Paluan kompang mengiringi perarakan pengantin dan persembahan "Silat Pulut Pengantin" menghidupkan suasana adat perkahwinan Melayu Selangor tersebut. Tambah meriah, apabila Kumpulan Kesenian PADAT turut mempersembahkan Tarian Zapin Pengantin dan acara menepung tawar oleh YB Dato' Dr. Ahmad Yunus serta tetamu kehormat dengan merenjis air mawar dan menabur bunga rampai sebagai tanda merestui majlis dan simbolik bagi meraikan persandingan Raja Sehari sebelum dibawa ke pentas demonstrasi adab makan sirih, membuat bunga telur dan gubahan sirih junjung.



Peserta Pertandingan Seni Jalanan begitu tekun menyiapkan hasil karya mereka.



Demonstrasi gubahan sirih junjung.

Kemuncak majlis perasmian diteruskan di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah pada pukul 12 tengahari dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Encik Mohd Faizul Fitri bin Musliil seurus selepas persembahan tarian "Selamat Datang" dan bacaan doa. Selepas itu, YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi pula memberikan ucapan perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor Tahun 2015 yang berintipatikan mengenai tema sambutan, iaitu 'Muzium Untuk Masyarakat Lestari'. Kemudian, beliau diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT menyempurnakan gimik perasmian beserta persembahan montaj di layar yang memaparkan aktiviti-aktiviti program sepanjang bermulanya acara pada 9 hingga 15 Jun 2015.

Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah Bengkel Peracuan Artifak, Majlis Tahlil dan Ceramah Agama, Kembara Muzium, Wacana Muzium, Pertandingan-pertandingan Mewarna, Melukis, Graffiti dan *Selfie* beserta acara pra-perasmian yang telah berlangsung sebelum itu, yang dikenali sebagai Program Muzium ke Sekolah. Acara berakhir dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak rumah kebajikan Safiyyah Homes dalam segmen Muzium Bersama Komuniti dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan sebelum majlis jamuan makan tengahari selesai pada pukul 2 petang di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.



Demonstrasi adab makan sirih.

Acara menepung tawar oleh YB Dato' Dr. Ahmad Yunus sebagai tanda merestui majlis dan simbolik meraikan persandingan Raja Sehari.



Kanak-kanak turut dihiburkan dengan persembahan badut.

Pertandingan mewarna yang diadakan di perkarangan lobi muzium Sultan Alam Shah.



MUZIUM KE SEKOLAH

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD

Sebahagian daripada pelajar terlibat bergambar bersama maskot ADAT & WARISAN selepas tamat program.

Buat julung-julung kalinya, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah mengadakan satu program berkonsepkan pendidikan muzium iaitu 'MUZIUM KE SEKOLAH'. Program kerjasama antara PADAT dan sekolah-sekolah di seluruh negeri Selangor ini antara usaha pihak PADAT menyebarkan ilmu, hubungan kerjasama berkaitan sejarah, kebudayaan dan kesenian.

Program yang telah diadakan pada 28 Mei 2015 bermula pada pukul 8.00 pagi bertempat di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam yang juga merupakan sekolah pertama yang menjadi pilihan muzium untuk turut bagi menjalankan pelbagai aktiviti menarik. Antaranya Mini Pameran, Sudut Adat & Waris, mengenali Arkeologi, Sukan Rakyat dan Demonstrasi serta Persembahan Tarian. Semua aktiviti yang dilakukan telah dibahagikan kepada sudut-sudut tertentu bagi memudahkan 100 orang pelajar yang dipilih oleh pihak sekolah untuk merasai kesemua aktiviti yang dijalankan oleh pihak PADAT.

Diharap dengan program seumpama ini mampu menarik minat para pelajar sama ada di peringkat sekolah kebangsaan atau sekolah menengah. Hal ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan bidang permuziuman, adat melayu dan juga warisan di mana pihak PADAT menjadi sumber rujukan utama kepada masyarakat dalam memperkasakan adat melayu dan warisan negeri Selangor.



Pelajar juga diajar pelbagai tarian kebudayaan oleh artis budaya PADAT.



Pelajar sedang melihat koleksi congkak yang terdapat di mini pameran PADAT.



Sesi penyerahan sijil penghargaan kepada Guru Besar Sekolah Sk Taman Sri Muda yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, En. Mohd Faizul Fitri bin Muslii.



Para pelajar diajar teknik-teknik membuat lipatan setanjak dan hasilnya pelajar dikehendaki memakai setanjak tersebut sepanjang program.



Sesi bergambar para peserta bengkel, tenaga pengajar, kurator pemuziuman dan KPE PADAT pada majlis penutupan bengkel.

BENGGEL PERACUAN ARTIFAK

OLEH : COMEIL PUTERI BINTI IBRAHIM

Buat julung kalinya, pada 10 hingga 11 Jun 2015 pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang telah diadakan Bengkel Peracuan Artifak sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor 2015 bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah. Seramai 35 orang peserta yang terdiri dari kakitangan PADAT dan Muzium Penjara Malaysia telah menghadiri bengkel tersebut. Objektif bengkel ialah memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada peserta mengenai skop kerja dalam bidang pemuziuman khususnya bagi tujuan peracuan artifak dan kepentingannya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan artifak.

Pada hari pertama, peserta telah mempelajari pengenalan dan teknik asas menghasilkan peracuan sebelah muka menggunakan *plaster of paris* (POP) dan *alginate*, manakala hari kedua peserta mempelajari peracuan objek 3 dimensi menghasilkan objek yang hampir sama dengan artifak asal menggunakan bahan resin dan polymer latex. Kesimpulannya, peserta telah berjaya menghasilkan peracuan seperti 'fridge magnet' dan acuan koleksi berbentuk ukiran mengikut teknik dan kadar campuran bahan yang tepat dan penggunaan bahan peracuan yang sesuai. Kesedaran kepada peserta tentang pentingnya kerja-kerja peracuan ini, pendedahan kepada jenis dan bahan untuk peracuan disampaikan secara berperingkat dengan bantuan dan kerjasama oleh tenaga pengajar dan fasilitator dari Jabatan Muzium Malaysia (JMM).



Encik Mohd. Faizul Fitri bin Muslil, Ketua Pegawai Eksekutif PADAT bersama Encik Zamrul Amri bin Zakaria, tenaga pengajar dari JMM dan Encik Mohamad Aris bin Haji Sahid, Kurator PADAT hadir bagi perasmian Bengkel Peracuan Artifak.



Peserta dari PADAT menuang banchuan plaster of paris atau POP ke dalam acuan sebelah muka.

Encik Zamrul Amri menerangkan secara teori asas dan teknik menghasilkan peracuan sebelah muka dan 3D kepada para peserta.

HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR

9 - 15 Jun 2015 | Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

"Muzium untuk masyarakat lestari"

KPE PADAT bersama Ustaz Azhar bin Tuarno (tengah).



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN CERAMAH AGAMA SEMPENA HMA PERINGKAT NEGERI SELANGOR

OLEH : SITI SYABANA BINTI MOHD YUSOP



Kelihatan Staf PADAT membaca Surah Yassin.



Majlis Penyampaian Cenderamata di akhir program tersebut.

Majlis Bacaan Yassin dan Ceramah Agama telah diadakan pada 12 Jun 2015 di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam sempena Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor. Seramai 100 orang warga PADAT turut sama menjayakan program ini. Dimulakan dengan majlis bacaan Yassin dan seterusnya ceramah agama bertajuk Integriti dan Muzium yang disampaikan oleh Ustaz Azhar bin Tuarno, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di Unit Integriti, Jabatan Perdana Menteri.



Staf PADAT khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan.

KEMBARA MUZIUM

OLEH : MOHAMAD NOR BIN SAPAR @ SAPARTAN

Pada 13 dan 14 Jun 2015 telah berlangsung Program Kembara Muzium yang merupakan antara program tahunan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor. Bagi tahun 2015, buat julung kalinya format pertandingan telah diubah daripada program sehari kepada 2 hari yang melibatkan peserta perlu bermalam di tempat yang telah disediakan. Kembara Muzium kali ini telah menjelajah ke 5 buah daerah di Negeri Selangor iaitu Shah Alam, Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Ianya bermula dan berakhir di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

Sepanjang laluan kembara ini, peserta dikehendaki melalui 'checkpoint' yang telah ditentukan. Antara tempat tersebut adalah di Muzium Sultan Alam Shah, Seksyen 23, Shah Alam, Kota Kemuning, Kampung Jalan Kebun, Pantai Morib, Pantai Kelanang, Muzium Insitu Jugra, Istana Bandar, Jugra, Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Kampung Sijangkang, Gedung Raja Abdullah, Klang, Pantai Remis, Kuala Selangor, Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor, Pusat Pemuliharaan Kelip-kelip Kampung Kuantan, Dataran Tonggak Sepuluh Sungai Besar, Sabak Bernam, Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak Bernam dan Kampung Parit Serong serta Tanjung Karang. Pelbagai tugas yang perlu diselesaikan oleh para peserta seperti menganyam ketupat, mengupas bawang, menangkap ikan di parit, menangkap ikan belacak dan haiwan bercengkerang, menjawab soalan-soalan muzium, menggagau belut, makan ulam, bermain permainan tradisional dan bermacam-macam lagi. Selain itu, peserta juga dikehendaki menjawab soalan harta, soalan keselamatan dan juga soalan bonus.

Para peserta diajar cara menganyam ketupat.



Peserta sedang melibatkan diri dalam pertandingan menjawab soalan yang bertempatan di Muzium Insitu Jugra.

Sebanyak 15 kumpulan telah menyertai Kembara Muzium 2015 kali ini. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, Encik Mohd Faizul Fitri Bin Musliil, telah berbesar hati membuat pelepasan peserta seawal pukul 8.30 pagi pada 13 Jun 2015 dan juga acara penyampaian hadiah pada petang 14 Jun 2015. Keputusan bagi Kembara Muzium 2015, ini telah dimenangi oleh Kumpulan Beradat Berada, yang membawa pulang hadiah wang tunai RM 5,000.00. Tempat kedua Kumpulan Lipan Bara, yang membawa pulang RM 4,000.00, ketiga kumpulan Tetuan Pucca & Fruits dan membawa pulang RM 3,000.00.

Alhamdulillah sepanjang acara ini berlangsung, tiada masalah atau musibah yang berlaku dan rata-rata peserta menyuarakan kepuasan, keseronokan dan kelainan bagi program Kembara Muzium 2015 ini. Pihak PADAT juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program Kembara Muzium 2015 ini seperti Majlis Daerah Kuala Selangor, Agensi Swasta, Penduduk Kampung Kuantan dan orang perseorangan yang terlibat.



Salah satu aktiviti yang menarik pada Kembara Muzium kali ini ialah aktiviti menyempit yang di adakan di Pulau Carey, Kg. Orang Asli.



WACANA MUZIUM 2015 PAMERAN SEBAGAI SIMBOL KECEMERLANGAN SESEBUAH INSTITUSI MUZIUM

OLEH : SHAHRULNIZA BINTI NENIN

Pendidikan warisan merupakan suatu proses pembelajaran iaitu dengan cara melihat, menyentuh, mendengar dan memegang (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium. Mark Lilo (1995), dalam bukunya pula iaitu 'New Republic' menyatakan peranan muzium adalah sebagai penyampai maklumat. Baginya, seseorang yang berada di muzium akan memperoleh pengalaman dan pengetahuan baru yang sangat berharga. Kekangan perkhidmatan ini dalam sesebuah muzium sedikit sebanyak akan menjejaskan matlamat dan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal.

Sesungguhnya pemahaman berhubung ilmu pemuziuman membawa kepada tujuan dan objektif sesebuah muzium itu didirikan. Hal ini selaras dengan matlamat penubuhan muzium untuk mengumpul dan memelihara artifak-artifak warisan seni budaya seterusnya menyelidik dan mempamerkan artifak berkenaan untuk tatapan ramai dengan harapan ia dapat mendidik anggota masyarakat mengenai seni budaya dan warisan. Oleh hal yang demikian, menerusi program ini adalah diharapkan matlamat dan impian PADAT sebagai sebuah agensi yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk memelihara adat Melayu dan warisan negeri Selangor tetapi tidak juga melupai peranan muzium dalam teras perkhidmatannya.

Wacana Muzium: Pameran Sebagai Simbol Kecemerlangan Sesebuah Institusi Muzium telah dilaksanakan pada 15 Jun 2015 di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Program ini merupakan siri yang kedua setelah mendapat sambutan dan maklum balas yang baik pada tahun sebelum ini. Program telah bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang. Hampir sebahagian daripada peserta yang menghadiri program ini terdiri daripada warga kerja muzium pelbagai negeri dan cawangan manakala selebihnya adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan negeri Selangor.

Pada kali ini, pihak penganjur telah mengundang panel-panel pembentang yang terdiri daripada Yang Berusaha Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusof yang merupakan Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, YBhg. Dato' Paiman bin Keromo, Pengarah Muzium Diraja Johor serta Prof. Adj. di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan dan panel terakhir adalah Puan Wahiza bt Abdul Wahid iaitu seorang Pensyarah di National Design Centre (NDC), Fakulti Seni Lukis Seni Reka, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Ketiga-tiga panel telah mengulas berhubung kepentingan pameran sebagai agen utama dalam perkhidmatan muzium.



Para peserta khusyuk mendengar taklimat yang diberikan.



Para panel pembentang yang memberikan taklimat sepanjang majlis berlangsung.



Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Tuan Mohd Faizul Fitri menyampaikan Sijil Penghargaan kepada para peserta.

PERARAKAN مَوْلِدُ رَسُوْلِ PĀDA 3 JANUARI 2015 BERSAMAAN 12 RABIULAWAL 1436

OLEH : ADNAN BIN CHE MUD

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada setiap tahun telah menghantar sebanyak dua kontinjen iaitu kontinjen lelaki dan kontinjen perempuan iaitu seramai 100 orang untuk menyertai perarakan Maulidur Rasul di peringkat negeri Selangor. Selain itu, pakaian yang dipakai oleh kontinjen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor pada tahun ini merupakan pakaian Silat bagi kontinjen lelaki manakala bagi kontinjen perempuan adalah Kebaya Selangor dan berkain batik. Tujuannya adalah untuk mengangkat pengetahuan masyarakat mengenai negeri Selangor yang memiliki pelbagai jenis pakaian tradisional Melayu pada masa dahulu.

Setiap kali penyertaan perarakan Maulidur Rasul ini, kontinjen PADAT sentiasa bersedia dengan latihan dan bunyi-bunyian alat muzik yang akan mengiringi perarakan tersebut supaya ia nampak lebih meriah. Pada tahun ini, PADAT telah memenangi kedua-dua kategori iaitu Johan (Perarakan) dimenangi oleh kontinjen perempuan dan Naib Johan (Perarakan) dimenangi oleh kontinjen lelaki di bawah Kategori Badan Berkanun dan Swasta. Kemenangan yang dicapai ini bukan sahaja turut memberikan habuan hadiah tetapi sebenarnya semangat kerjasama dan kesungguhan yang diberikan oleh setiap pasukan itu yang lebih penting.



Naib Johan (Perarakan) dimenangi oleh kontinjen lelaki.



Johan (Perarakan) dimenangi oleh kontinjen perempuan.



Perarakan kontinjen lelaki yang segak berbaju Melayu.



Perarakan kontinjen wanita yang penuh bersemangat semasa acara perbarisan.



Peserta perarakan bergambar bersama sebagai kenang-kenangan.



Barisan ahli jawatankuasa (MBJ) baru yang terpilih diharapkan dapat meningkatkan produktiviti kerja di kalangan pekerja.

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA MBJ

OLEH : SHAHRULNIZA BINTI NENIN

Forum Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dilaksanakan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi melalui medium perbincangan bagi mengatasi kelemahan dari segi pentadbiran dan pengurusan jabatan. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja dalam kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih berdedikasi dan produktif.

Justeru, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) juga tidak terkecuali untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Selain memupuk semangat muhibbah dan toleransi antara majikan dan pekerja, ia juga dapat membudayakan tenaga kerja yang berpotensi dan pencapaian perkhidmatan yang berkualiti.

Mesyuarat Agung dan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pihak Pekerja, PADAT, Penggal 5 Tahun 2015-2017 telah diadakan di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada 27 Januari 2015 yang lalu. Oleh itu, tahniah diucapkan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terpilih. Sumbangan anda diharapkan dapat meningkatkan produktiviti kerja dalam kalangan pekerja dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada jabatan.



Encik Nor Akmal bin Omar masih diberi kepercayaan untuk memikul jawatan sebagai pengerusi sekali lagi.

Senarai Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pihak Pekerja Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor Penggal 5. Tahun 2015 ~ 2017.

Pengerusi

Encik Nor Akmal b. Omar

Setiasaha Bersama

Puan Shahrulniza bt. Nenin

Wakil Pekerja Kumpulan A

Encik Abdullah Anas b. Abu Bakar

Wakil Pekerja Kumpulan B (Sosial)

Puan Rohayu bt. Mohd Yunus
Puan Comeil Puteri bt. Ibrahim

Wakil Pekerja Kumpulan B (Kebudayaan)

Puan Kalsom bt. Samad

Wakil Pekerja Kumpulan B (Teknologi Maklumat)

Encik Mohamad Elyan b. Mohd Zaki

Wakil Pekerja Kumpulan B (Pentadbiran)

Encik Khalid Aswali b. Jamaluddin

Wakil Pekerja Kumpulan B (Kewangan)

Puan Zahabiah bt. Mohamad

Wakil Pekerja Kumpulan C (Sosial)

Encik Faridul Izzuddin b. Kamaruddin
Puan Ramilah bt. Simin

Wakil Pekerja Kumpulan C (Kebudayaan)

Encik Muhammad Shafiq b. Mohd Ghaus

Wakil Pekerja Kumpulan C (Pentadbiran)

Encik Ammar b. Abdul Shukor

Wakil Pekerja Kumpulan C

(Lain-Lain- Kewangan/Keselamatan / IT/ Teknikal)

Puan Sunita bt. Mahbob

Wakil Pekerja Kumpulan D

Encik Ruhaifi b. Khalid

Wakil Muzium Daerah

Encik Muhammad Hazharun Naim b. Raimi Yusof

PAMERAN SEMPENA TEMASYA SELANGOR '15

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD

PAMERAN SEMPENA TEMASYA SELANGOR'15 (PELANCARAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2015) telah berlangsung pada 29 Januari hingga 1 Februari 2015 yang bertempat di Perkarangan Shah Alam Convention Centre (SACC) Shah Alam. Program ini dianjurkan oleh pihak Tourism Selangor dan majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali.

Sempena temasya Selangor ini, pihak PADAT juga tidak terkecuali untuk turut serta dalam program yang dianjurkan dengan mengadakan pameran bertemakan Busana Negeri Selangor sepanjang zaman. Pelbagai aktiviti menarik juga turut dijalankan bagi menarik minat pengunjung untuk melawat booth dan pameran yang telah disediakan. Antaranya ialah kuiz, pameran, jualan cenderamata, jualan buku terbitan dan kaunter pertanyaan serta lain-lain yang berkaitan. Diharap dengan penglibatan program ini akan dapat menaikkan nama PADAT pada masa akan datang.

PAMERAN SEMPENA FESTIVAL NASI AMBENG 2015

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD



Booth Pameran PADAT.



Pengunjung tidak melepaskan peluang untuk membeli barangan Adat & Waris yang terdapat di Booth PADAT.



Dato' Menteri Besar Selangor Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali membuat lawatan ke booth pameran PADAT.

Sempena Festival Nasi Ambeng 2015, pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT) sekali lagi telah dijemput untuk mengadakan pameran luar bagi tahun kedua program tersebut. Program yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Selangor telah berlangsung pada 18 April 2015 bertempat di Banghurus Homestay, Sungai Pelek, Sepang.

Festival yang secara amnya adalah untuk mengangkat identiti Selangor iaitu Nasi Ambeng. Selain itu, festival ini turut dipenuhi dengan beberapa acara yang menarik, termasuklah penglibatan badan-badan kerajaan untuk mengadakan pameran serta jualan yang berkaitan dengan institusi itu sendiri. Diharap dengan penglibatan program ini, ia dapat menaikkan nama serta menjadikannya satu platform dalam mempromosikan fungsi PADAT kepada masyarakat setempat.



Antara pengunjung yang hadir ke booth pameran PADAT.



'We Are The Host'

OLEH : FARHANI BINTI MOHD RAUS

Pada 12 Mac 2015, telah diadakan satu kursus yang bertajuk 'We Are The Host' yang bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah. Kursus selama satu hari ini dihadiri seramai hampir 30 orang pegawai PADAT dari gred 22 hingga 48. Tujuan kursus ini diadakan ialah untuk mempersiapkan para kakitangan PADAT agar lebih berpengetahuan dan cekap dalam menjadi tuan rumah bagi Tahun Melawat Selangor 2015. Pada masa yang sama, kursus ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan dan keperluan dalam memberikan perkhidmatan pelanggan kelas pertama. Selain itu, peserta juga dapat memahami proses serta cabaran komunikasi yang ada dalam sesebuah perkhidmatan. Disamping itu, kaedah komunikasi yang baik bersama pelanggan atau pengunjung dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke muzium. Kaedah perkhidmatan yang diberikan juga dapat membantu meningkatkan komunikasi di antara para kakitangan PADAT. Susulan daripada kejayaan kursus ini, satu lagi kursus yang sama telah diadakan dan dihadiri oleh pembantu muzium dan pegawai khidmat Pelanggan PADAT pada 20-21 April 2015.



Para peserta sibuk menyiapkan pembentangan tugas yang diberikan.



Encik Jangi membentangkan hasil tugas yang diberikan.



Para peserta khusyuk mendengar pembentangan.

Barisan ahli kelab yang lama.



MESYUARAT AGONG KRK LMS

OLEH : RAJA NOORAIN BINTI RAJA APAN

En. Khayat memenangi cabutan bertuah yang berupa sebuah basikal.



Pada 17 Mac 2015 hari Selasa telah diadakan satu Mesyuarat Agong Kelab Rekreasi dan Kebajikan Lembaga Muzium Selangor (KRK LMS) bagi penggal 2015-2017. Mesyuarat Agong ini diadakan untuk membubarkan jawatankuasa kelab bagi penggal lalu yang telah banyak mencurahkan khidmat bakti dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang telah dirancang dan dianjurkan selama dua tahun itu.

Agenda bagi Mesyuarat Agong kali ini adalah merangkumi semua aktiviti-aktiviti dan pembentangan perbelanjaan yang telah dijalankan sepanjang penggal 2013/2015 yang lalu. Semua ahli-ahli KRK LMS juga telah dimaklumkan mengenai pergerakan sumber kewangan sepanjang pengendalian jawatankuasa yang lalu dan ahli-ahli juga turut diberi peluang untuk mengajukan pelbagai soalan berhubung perkara ini. Beberapa isu telah dibangkitkan oleh ahli-ahli KRK LMS dan isu-isu tersebut telah pun diperjelaskan oleh mantan pengerusi, bendahari dan setiausaha kelab penggal yang lalu.

Selain itu, turut diadakan sesi pemilihan dan perantikan ahli jawatankuasa baru. Mereka yang terpilih adalah berdasarkan undian ramai. Ahli-ahli jawatankuasa bagi Kelab Rekreasi dan Kebajikan Lembaga Muzium Selangor bagi penggal 2015 - 2017 kini adalah :-

- | | | |
|---------------------|---|------------------------------------|
| Pengerusi | : | Encik Azrizal b. Ahmad |
| Timb. Pengerusi | : | Encik Mohammad Nor b. Sapartan |
| Setiausaha | : | Encik Ammar b. Shukor |
| Pen. Setiausaha | : | Cik Raja Noorain bt. Raja Apan |
| Bendahari | : | Puan Nor Shahida bt. Saleh |
| AJK | : | Encik Mohd Sani b. Haji Suradi |
| | | Puan Rohayu bt. Mohd Yunus |
| | | Encik Mohd Faizal b. Ibrahim |
| | | Encik Hazharun Naim b. Raimi Yusuf |
| | | Encik Faridzuan b. Hamzah |
| | | Puan Nur Syazwany bt. Kamry |
| | | Encik Rossi b. Mohsin |
| | | Encik Mohd Nazrin b. Kamaruddin |
| | | Encik Mohamad Fadzil b. Yaacob |
| | | Puan Sunita bt. Mahbob |
| Pemeriksa Kira-kira | : | Puan Paizah bt. Saroni |
| | | Cik Nurul Fatimah bt. Rahan |

Antara ahli kelab yang gembira memenangi cabutan bertuah.



Pengerusi kelab yang baru dilantik Encik Azrizal Ahmad.



PROGRAM KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU '3K'

OLEH : ABDULLAH ANAS BIN ABU BAKAR

Program Karnival Kampungku Kesayanganku '3K' adalah satu program kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor. Lokasi program ini melibatkan 9 daerah dalam negeri Selangor, manakala masjid telah dijadikan lokasi utama penganjuran.

Objektif karnival ini adalah untuk melahirkan keluarga harmoni berlandaskan acuan nilai agama dan nilai murni keluarga. Selain itu, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bertindak sebagai agensi penyelaras untuk program ini serta melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JAIS, JAKEES, PADAT, MAIS, Pejabat Mufti, dan Pihak Berkuasa Tempatan Daerah dengan menggunakan peruntukan kewangan jabatan masing-masing.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti perjumpaan dengan pemimpin dan masyarakat, bicara santai, forum perdana, pameran dan jualan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan kesenian, persembahan kesenian dan sukaneka. Program Karnival Kampungku Kesayanganku 3K telah menjelajah ke empat daerah setakat ini iaitu di daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat. Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan serta kerjasama dan komitmen yang tinggi turut diberikan oleh pemimpin dan masyarakat sepanjang aktiviti ini berlangsung.

Dalam karnival ini, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bertindak sebagai agensi yang membawa mesej warisan, sejarah dan kebudayaan negeri. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah seperti pameran koleksi artifak Muzium Sultan Alam Shah, pertandingan masakan dan kuih tradisional, pertandingan seni khat, pertandingan gubahan sireh junjung, pertandingan mewarna kanak-kanak dan demonstrasi aktiviti memanah tradisional.



Penduduk kampung bergotong royong menyiapkan masakan.

Staf PADAT sedang memberikan penerangan kepada tetamu VIP yang datang melawat ke tapak pameran PADAT.





Kanak-kanak begitu leka bermain puzzle di tapak pameran PADAT.



Juri sedang merasa setiap hidangan yang disediakan oleh peserta dalam pertandingan masakan dan kuih tradisional.



Sesi pengadilan gubahan sirih junjung oleh para juri.



Para pengunjung turut berpeluang mencuba aktiviti memanah.



Peserta begitu tekun menyiapkan khat bagi Pertandingan Seni Khat.



TAKLIMAT INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

OLEH : ROSIAH BINTI MOHD TAP

Unit Latihan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah menganjurkan satu Taklimat Integriti dalam Perkhidmatan Awam pada 31 Mac 2015. Taklimat ini telah diadakan di Dewan Raja Lumu dan dihadiri oleh semua staf PADAT dari pelbagai kumpulan khidmat sokongan.

Taklimat disampaikan oleh Encik Izal Arif bin Zahrudin dari Institut Integriti Malaysia. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada warga kerja PADAT tentang cara melaksanakan amanah dan kuasa yang diberi untuk kepentingan umum dan tidak menyalahgunakan kuasa tersebut. Antara isi taklimat yang diberikan oleh penceramah ialah, pelakuan penjawat awam yang berintegriti seperti memenuhi keperluan pelanggan dengan mesra dan berhemah. Selain itu, tidak menyalahgunakan peralatan dan kemudahan pejabat serta menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan sebagainya. Penceramah turut menjelaskan tentang perlakuan yang tidak berintegriti seperti rasuah, penyelewengan, dan juga salah guna kuasa.

Oleh yang demikian, diharapkan dengan adanya taklimat ini dapat memantapkan etika dan integriti pekerja PADAT, disamping dapat membudayakan integriti dalam kalangan semua anggota masyarakat.



Penyampaian cenderamata kepada En. Izal Arif b. Zahrudin.



Staf PADAT khusyuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh Encik Izal.

Taklimat disampaikan oleh Encik Izal Arif b. Zahrudin dari Institut Integriti Malaysia.



BENGGKEL MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK) DAN FAIL MEJA (FM).

OLEH : ROSIAH BINTI MOHD TAP

Barisan staf PADAT yang mengikuti Bengkel Fail Meja.



Setiap pembentangan Fail Meja akan disemak oleh Puan Aisyah binti Abd. Rahman.



Staf berkerjasama dalam menyiapkan tugas yang diberi.



Staf PADAT sedang menyiapkan Fail Meja Pembentangan.



Pada 8 hingga 9 April 2015, telah diadakan satu Bengkel Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja anjuran Unit Latihan Bahagian Khidmat Pengurusan PADAT. Bengkel ini telah diadakan di Dewan Raja Lumu yang telah dihadiri oleh semua staf PADAT. Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pemahaman yang terperinci kepada pegawai dan staf yang terlibat dalam menyediakan manual prosedur kerja dan fail meja yang tepat dan mengikut format yang betul.

Ceramah bengkel ini telah disampaikan oleh Puan Aisyah binti Abd. Rahman, Penolong Pegawai Tadbir dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Peserta dikehendaki membawa fail meja dan manual prosedur kerja jabatan/unit masing-masing untuk dibuat pembetulan dan penambahbaikan. Pihak penganjur berharap peserta dapat mengambil input-input yang diberi dan dapat menghasilkan manual prosedur kerja dan fail meja jabatan/unit yang berkualiti.

Penceramah bengkel:
Puan Aisyah binti Abd. Rahman, Penolong Tadbir dari INTAN.





Ruang pameran yang memperagakan koleksi jersi keramat nombor 10.

PAMERAN "SUPERMOKH-HIDUP MATI HANYA UNTUK SELANGOR"

OLEH : RIZAL BIN MUHAMAD JANAH

"Hidup dan mati saya untuk Selangor!!!"

"Kata-kata itu membayangkan betapa besar kecintaannya terhadap negeri tempat beliau mencurahkan keringat dan berbakti. Tempat di mana kerjayanya bermula dan namanya menjadi sanjungan. Mokhtar Dahari, nama yang tidak asing lagi sekitar tahun 70 dan 80-an. Dia dikenali hampir seluruh rakyat Malaysia dan digeruni oleh pasukan lawan yang menggelarkannya sebagai "Penyerang yang mempunyai segala-galanya. Dia Sempurna". Bola sepak itu darah dan jiwanya, berikrar setia hanya kepada Selangor negerinya, enggan beralih menjadi pemain profesional demi komitmen kepada negara, dan sanggup mengetepikan sakit derita demi cintanya kepada Piala Malaysia. Diangkat sebagai penjaring terbaik Asia selepas persembahan cemerlang di Pesta Bola Merdeka 1976, rekodnya sebagai pemain paling lama menyangkut jersi pasukan negeri selama 16 tahun kekal belum dicabar. Sepanjang tempoh tersebut, Mokhtar membawa Selangor menjulang trofi kejuaraan Piala Malaysia 10 kali dan dua kali naib juara, satu lagi rekod yang sehingga hari ini masih belum dapat ditampai mana-mana pasukan dan sehingga bersara pada 1987, Mokhtar mencipta sejarah dengan mengumpul 302 jaringan".

Kunjungan dari TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri merangkap Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.



Petikan di atas diambil dari sinopsis pameran "Supermokh - Hidup Mati Hanya Untuk Selangor", sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Muzium Negeri Pulau Pinang. Program tersebut dirasmikan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas dan disertai oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) serta muzium-muzium lain di Malaysia.

Buat julung kalinya PADAT membawa secara eksklusif koleksi Jersi keramat No.10 kepunyaan Mokhtar Dahari semasa beliau mewakili Negara sekitar tahun 1979 bagi tujuan pameran. Selain itu, koleksi medal perlawanan akhir Piala Pesta Bola Merdeka, Piala Malaysia, Piala Sumbangsih serta pingat gangsa Sukan Asia turut dipamerkan berserta koleksi cenderamata pasukan Selangor FA. Pameran bermula pada 27 April 2015 bertempat di bangunan No.57 Jalan Macalister, Pulau Pinang dan berakhir pada 3 Mei 2015.



Pelajar latihan industri dari Negara Brunei Darussalam bergambar beramai-ramai.

Perbincangan bersama di dalam kumpulan.



BENGGKEL TUNTUTAN PERJALANAN DAN ELAUN LEBIH MASA

OLEH : NOOR AIN FAIZAH BINTI MOHD FAHMI

Pada 11 dan 12 Mei 2015, bertempat di Grand Bluewave Hotel Shah Alam telah berlangsung Bengkel Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa yang dianjurkan oleh Unit Kewangan PADAT. Encik Ahmad Abid Abakia bin Ab. Wahid Penolong Akauntan Gred W 32, dari Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah memberi keterangan tentang tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa kepada peserta yang terlibat.

Pada hari kedua, semua peserta diberi tugas mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Tugas yang diberi bertujuan memberi pendekatan kepada peserta tentang keadaan sebenar kesilapan yang sering dilakukan oleh pemohon sewaktu membuat permohonan. Peserta juga diminta untuk membuat pembentangan pada penghujung bengkel tersebut. Semoga bengkel ini dapat memberi input yang jelas kepada para peserta sesi pertama bengkel ini.

Penyampaian cenderamata.



Peserta sedang berbincang untuk menyelesaikan tugas yang diberi.



Encik Ahmad Abid Abakia bin Ab. Wahid penceramah Bengkel Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa sesi pertama.





PROGRAM '5S'

OLEH : MOHD NABIL BIN MOHD NAIM

Pada 18 Mei 2015 bersamaan hari Isnin telah berlangsung satu program gotong-royong yang dinamakan program '5S'. Program ini disertai oleh semua kakitangan PADAT. Selain itu, program ini bertujuan untuk membersihkan kawasan di muzium dan membaikpulihan barangan yang masih boleh digunakan. Sebelum bermulanya program ini, kakitangan PADAT diberi penerangan mengenai program yang akan dijalankan dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Selain itu, barang-barang yang telah rosak akan dikumpulkan dan dikelompokkan di suatu kawasan untuk dilupuskan. Bagi barangan yang masih boleh digunakan akan dibaikpulihan dan digunakan semula. Melalui program ini, diharapkan semua kakitangan PADAT dapat mengamalkan amalan 5S dalam suasana kerja seharian di samping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan PADAT.

Encik Jangi mengutip barangan seperti kayu yang tidak terpakai untuk dibuang.



Kakitangan PADAT saling bekerjasama membersihkan kawasan Muzium.

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) TAHUN 2015

OLEH : RAFIDA BINTI RAHMAT



Antara peserta yang terlibat dalam APPC pada kali ini.

Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) bagi tahun 2015 telah berlangsung pada hari Isnin 25 Mei 2015. Seperti tahun 2013 sebanyak tujuh kriteria telah dinilai iaitu pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan ICT, pengurusan rekod, perkhidmatan teras dan pengurusan pelanggan.

Lawatan panel penilai yang bermula pada pukul 10.00 pagi disambut dengan acara sambutan yang diatur khas untuk panel pada kali ini, iaitu persembahan pentomin oleh Kumpulan Kesenian PADAT yang menceritakan tentang peranan PADAT secara am. Selepas itu, Tuan Mohd. Faizul Fitri bin Muslil selaku Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, menyampaikan ucapan kata-kata aluan sebelum Encik Mohd Fareez Bin Mohd Ariss selaku Ketua Panel Penilai APPC menyampaikan sepatah dua kata. Barisan panel penilai pada tahun ini terdiri daripada pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Arkib Negara dan Majlis Perbandaran Subang Jaya selain daripada urus setia dari Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada seluruh pegawai dan staf yang telah bertungkus-lumus dalam membantu melancarkan proses penilaian pada hari berkenaan. Semoga PADAT akan berjaya memperolehi keputusan yang membanggakan hasil penilaian tahun 2015 ini. Insyallah.



Sesi bergambar bersama kakitangan PADAT dan Ketua Pegawai Eksekutif Tuan Mohd Faizul Fitri.

Tuan Mohd Faizul Fitri Bin Muslil, Ketua Pegawai Eksekutif PADAT menyampaikan ucapan aluan.





FESTIVAL SELANGOR MEGA FOOD

OLEH : SITI SYABANA BINTI MOHD YUSOP

Festival Selangor Mega Food (SMFF) 2015 diadakan pada 30-31 Mei 2015 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam yang mensasarkan semua pengusaha makanan tradisi dan identiti negeri Selangor dan negeri-negeri lain bagi memperkenalkan makanan tradisi negeri masing-masing. Festival ini juga berkonsepkan bersantai di taman atau padang rumput dengan melibatkan jualan makanan dan produk, konsert artis terkenal dan juga persembahan kebudayaan.

Program ini mendapat kerjasama antara Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Polis Diraja Malaysia, Bitfour Global Asia Sdn. Bhd, DIGI dan Media Prima Berhad. Pihak PADAT telah diberi empat (4) booth untuk memperkenalkan makanan warisan negeri Selangor iaitu pelbagai kuih tradisi Selangor seperti Kuih Kacau, Khetewol, Tuntuman, Tepung Torak, Lemper, Getuk Ubi dan Bubur Sum-Sum serta Nasi Ambeng, Pecal dan Sambal Taun. Alhamdulillah, booth PADAT mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan diharapkan dengan penganjuran program seperti ini dapat mempromosikan dan memperkenalkan makanan warisan turun-temurun supaya generasi akan datang dapat mengenali warisan kita zaman-berzaman.



Antara makanan tradisi Selangor yang dijual kepada orang ramai ialah Kuih Khetewol, Lemet Ubi, Getuk Ubi, Bubur Sum-Sum dan Lemper.



Staf yang bertugas melayani pengunjung di booth jualan PADAT.



Pecal Jawa antara menu yang mendapat sambutan.

Antara staf PADAT yang terlibat dengan Audit Pemantauan Pertama MS ISO



AUDIT PEMANTAUAN PERTAMA MS ISO 9001:2008

OLEH : RAFIDAH BINTI RAHMAT

Audit ini telah berlangsung pada 02 Jun 2015 dan dijalankan oleh pihak CI International Certification Sdn. Bhd. Ia telah diketuai oleh Encik Nor Akmanizam Fakhruddin dan dibantu oleh Encik Ahmad Yusri. Hasil audit mendapati terdapat satu ketidakruan minor dan tiga pemerhatian untuk penambahbaikan dilaporkan.

Audit yang dimulakan seawal 9.15 pagi dimulakan dengan mesyuarat pembukaan yang turut dihadiri oleh Tuan Mohd. Faizul Fitri bin Muslil selaku Ketua Pegawai Eksekutif PADAT serta beberapa pegawai dan staf seramai 23 orang. Setelah membacakan syarat atau terma audit, auditan dimulakan kira-kira pukul 9.45 pagi dan di antara proses-proses yang diaudit adalah mencakupi pengurusan dan pelaksanaan projek penyelidikan warisan budaya, penyelenggaraan infrastruktur atau sistem maklumat kawalan dan pemantauan persekitaran kerja, sumber manusia termasuk juga pengendalian aduan, audit dalaman, tindakan pembetulan dan pencegahan, analisa data, penambahbaikan berterusan dan kajian semula pengurusan. Klausula 7.3 iaitu reka bentuk dan pembangunan (R & D) dan 7.5.2 pengenalan dan pengesanan adalah dikecualikan di dalam proses teras Sistem Pengurusan Kualiti PADAT.

Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan, semua pemegang prosedur dan pelaksana seharusnya sentiasa berganding bahu, bertanggungjawab dan prihatin terhadap prosedur yang diamanahkan. Sebarang perubahan perlu dikemaskini dengan melakukan rujuk silang. Apa yang penting momentum perlu dikekalkan bagi memastikan proses teras kekal dipersijilkan dengan pemantauan dan penambahbaikan.

En. Emerozaizam sedang diaudit oleh juruaudit.



Wakil Pengurusan sedang diaudit.



Staf sedang mendengar taklimat daripada Ketua Audit CI International Certification iaitu Encik Nor Akmanizam Fakhruddin.



PERKEMBANGAN LANDASAN KERETAPI SELANGOR SEBELUM 1900

OLEH : MOHD SANI BIN HAJI SURADI

Landasan keretapi yang pertama di semenanjung Tanah Melayu siap dibina pada 1 Jun 1885. Ia menghubungkan Taiping dengan Port Weld atau sekarang dikenali sebagai Kuala Sepetang. Landasan sepanjang 8 batu ini berfungsi sebagai medium pengangkutan bagi mengangkut hasil bijih timah untuk diperdagangkan ke negara luar.

Titik tolak pembinaan landasan keretapi di Selangor pula bermula apabila pusat pentadbiran negeri Selangor telah berpindah dari Klang ke Kuala Lumpur pada Mac 1880. Hal ini berikutan lokasinya yang lebih strategik dengan kegiatan ekonomi dan perlombongan bijih timah yang semakin rancak membangun seterusnya menyebabkan lebih ramai orang datang ke Kuala Lumpur berbanding Klang atas faktor peluang pekerjaan yang lebih banyak dan lebih menguntungkan. Ia telah menjadi sub pengeluaran bijih timah utama di Selangor mahupun di Semenanjung Tanah Melayu. Kawasan berlumpur di pertembungan Sungai Klang dan Sungai Gombak ini dijadikan pengkalan menurun dan menaikkan barangan serta membawa hasil bijih timah ke Klang sebelum di eksport ke benua Eropah melalui pelabuhan di Singapura dan Melaka.

Pada waktu itu, pengangkutan yang ada bagi menghubungkan Kuala Lumpur dan Klang melalui jalan darat hanyalah menggunakan kuda dan kereta lembu sahaja manakala kaedah terbaik bagi mengangkut hasil bijih timah adalah melalui jalan air menaiki sampan memudiki Sungai Klang merentasi Damansara hingga ke Pengkalan Batu di Klang. Kedua-dua kaedah tersebut amat mengambil masa yang lama dan kos yang tinggi. Pengangkutan hasil perlombongan bijih ini adalah melalui Sungai Klang yang berliku-liku sejauh 60 batu dan kos untuk menyewa bot pula adalah antara \$35 hingga \$40 untuk satu koyan (40 pikul) muatan. Pihak Kerajaan yang bergantung penuh kepada hasil bijih timah mengambil perhatian berat terhadap kos pengangkutan yang agak mahal ini. Residen British telah menetapkan harga \$20 tetapi kadar pengangkutan ini masih lagi dirasakan tinggi. Sir Frank Athelstane Swettenham yang ketika itu bekerja sebagai Penolong Setiausaha Kolonial bagi Negeri-Negeri Selat telah menyarankan kepada Residen British di Selangor, William Bloomfield Douglas supaya membina landasan keretapi sebagai satu alternatif mengurangkan kos serta dapat memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Klang. Namun begitu, saranan beliau tidak diindahkan. Hal ini berkemungkinan kerana projek pembinaan landasan ini akan menelan belanja yang begitu besar dan kerajaan Selangor tidak dapat menampung kos tambahan tersebut.

Apabila Sir Frank A. Swettenham dilantik menjadi Residen British Selangor yang baru pada Oktober 1882, beliau mengarahkan supaya landasan kereta api tersebut dibina bagi mengatasi masalah untuk mengangkut hasil bijih timah di Kuala Lumpur ke pelabuhan Klang iaitu di Pengkalan Batu. Beliau dengan yakin percaya bahawa projek ini dapat membawa keuntungan dan manfaat kepada penduduk dan kerajaan negeri Selangor. Sejurus kemudian, pada April 1883, A. J. Spencer Moss seorang Jurutera dari Ceylon (Sri Lanka) telah datang bagi membuat tinjauan dan kajian lanjut untuk projek pembinaan landasan keretapi ini. Dengan itu, pembinaan landasan keretapi 'metre gauge' telah dicadangkan di antara Kuala Lumpur dan Bukit Kuda, kurang dari 2½ batu dari Pengkalan Batu di Klang iaitu di sebelah utara Sungai Klang.

Banyak masalah dan kesulitan yang melanda sepanjang tempoh pembinaan landasan ini. Kos projek terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri yang ketika itu membiayai juga kerja-kerja penyelenggaraan lain seperti jalan raya, pembentungan, kesihatan, saluran, bangunan dan sebagainya. Selain daripada peruntukan kewangan yang amat terhad, mereka terpaksa bekerja dalam keadaan basah kerana musim hujan lebat malah berdepan pula dengan penyakit-penyakit berjangkit seperti kolera, malaria, beri-beri dan lain-lain. Jangkitan virus berbahaya ini berleluasa sehingga meragut banyak nyawa. Pada masa yang sama, buruh-buruh yang dikerah tidak mempunyai pengalaman dan latihan dalam bidang pembinaan landasan keretapi. Mereka terdiri daripada buruh-buruh berbangsa Cina yang dahulunya bekerja di lombong-lombong bijih timah dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mahir seperti Sikh dan Bengali. Alatan serta bahan-bahan pembinaan pula sukar didapati dan terpaksa dibawa masuk dari luar negeri. Semua perkara ini menjejaskan sedikit kemajuan kerja disamping meningkatkan lagi kos keseluruhan projek.

Keseluruhan projek pembinaan landasan ini diawasi oleh Moss sendiri dengan nasihat pakar daripada seorang jurutera Belanda berasal dari Batavia. Hal ini kerana, Moss kekurangan pengalaman dalam pembinaan landasan keretapi dalam suasana tropika. Batu balas untuk landasan ini diperolehi dari Batu Tiga dan Kuala Lumpur serta batu-batan hasil dari kerja-kerja pematangan di kuari-kuari berhampiran. Kontrak untuk bekalan kayu landasan pula diberikan kepada Messrs Hill and Rathborne yang membekalkan hampir 40,000 keping kayu landasan. Kesemua kayu landasan ini diambil dari kayu-kayu tempatan. Kerja-kerja pemasangan kepingan besi pula dijalankan oleh kontraktor Bengali yang datang dari Rangoon, Burma (Myanmar). Walaupun banyak dugaan yang timbul, landasan keretapi ini telah siap sehingga ke Batu Tiga iaitu sejauh 13 batu dari Kuala Lumpur pada Januari 1885.



Gambar menunjukkan upacara perasmian Stesen Keretapi Bukit Kuda, Klang oleh Sir Frederick Weld yang dihadiri oleh Sultan Abdul Samad pada 15 September 1886.

Empat tahun selepas bermulanya projek pembinaan ini, landasan keretapi sejauh 19 batu akhirnya telah siap dibina menghubungkan Stesen Keretapi berhampiran Lebuhr Pasar di Kuala Lumpur dengan Stesen Keretapi di Bukit Kuda, Klang dan ia dirasmikan pada 15 September 1886. Majlis pembukaan telah diadakan di Stesen Bukit Kuda, Klang yang merupakan bangunan sementara diperbuat daripada kayu dan atapnya dari kepingan besi yang beralur. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir Frederick Weld bersama isteri, Sultan Selangor ke 4 Sultan Sir Abdul Samad ibni Almarhum Raja Abdullah, Residen British Sir John Pickersgill Rodger, Ketua Jurutera yang bertugas A. J. Spencer Moss, Raja Laut beserta pembesar-pembesar negeri Selangor yang lain. Dalam perasmian tersebut, sebuah gerabak khas telah disediakan untuk membawa pembesar-pembesar yang hadir ke Kuala Lumpur. Ia berlepas dari Stesen Keretapi Bukit Kuda pada jam 9.40 pagi dan tiba di Stesen Keretapi di Kuala Lumpur pada jam 11.15 pagi iaitu perjalanan yang mengambil masa selama 1 jam 35 minit tanpa sebarang masalah. Lebih kurang seramai 130 orang penumpang telah mengikut rombongan tersebut. Setibanya di Stesen Keretapi di Kuala Lumpur, istiadat penghormatan telah diberikan oleh Angkatan Polis Selangor yang diketuai oleh Superintendent H. C. Syers. Sir John Pickersgill Rodger telah menyampaikan ucapan alu-aluan dan menjemput Gabenor Sir Frederick Weld bagi mengisytiharkan seterusnya merasmikan landasan keretapi tersebut. Jumlah kos keseluruhan bagi pembinaan landasan keretapi ini termasuk perbelanjaan awalan untuk kajian, pampasan, bangunan stesen dan sebagainya adalah sebanyak \$721,473.

Laluan keretapi Kuala Lumpur - Klang ini telah beroperasi dengan jayanya dan telah menampakkan hasil yang memberangsangkan dalam meningkatkan ekonomi Selangor. Dengan ini modal yang dilaburkan telah dapat dikumpulkan semula dalam jangkamasa yang singkat. Kaedah pengangkutan keretapi ini bukan sahaja diguna pakai untuk mengangkut hasil bijih timah sahaja malah digunakan untuk mengangkut hasil-hasil lain seperti kopi, rempah ratus dan lain-lain. Berikutan itu, satu stesen baru telah dibina berhampiran Pengkalan Batu, Klang bagi memudahkan lagi urusan menurunkan hasil barang dagangan memandangkan Stesen Bukit Kuda terletak agak jauh sedikit (lebih kurang 3 batu) dari Pengkalan Batu, Klang. Jambatan keretapi "Bailey Connaught" telah siap dibina pada April 1890 menyeberangi Sungai Klang manakala Stesen Klang telah dibuka secara rasminya pada Ogos 1890. Ia masih kekal wujud dan merupakan Stesen Keretapi Bandar Klang pada masa kini manakala Stesen keretapi Bukit Kuda telah ditutup pada 15 September 1890.



Kuala Lumpur Yard and Station, 1890.
Kuala Lumpur Yard and Station, 1890.

Lebih kurang 5 tahun selepas itu, pelabuhan di Klang didapati tidak memadai lagi. Jumlah import dan eksport meningkat dengan kadar yang pesat. Lalu lintas keretapi di antara Kuala Lumpur dan Klang semakin sibuk. Justeru itu, pada tahun 1895, kerajaan Selangor memutuskan supaya melanjutkan landasan keretapi dari Klang ke suatu kawasan yang lebih dekat dengan laut supaya kapal-kapal yang lebih besar dapat berlabuh di sana. Maka, Pelabuhan Swettenham (kini Pelabuhan Klang) telah dibuka pada 1 Januari 1899 tetapi hanya boleh digunakan secara rasmi pada 15 September 1901 memandangkan beberapa masalah yang timbul serta penambahan kawasan sekitar. Landasan ini adalah sejauh 6 batu dari Klang ke pesisir laut di Sungai Klang.


Perkembangan perkhidmatan keretapi di Selangor selanjutnya bukan sahaja menghasilkan impak positif kepada pendapatan Kerajaan malah turut dinikmati oleh segenap masyarakat khususnya bagi generasi yang akan datang.

Sumber rujukan :

- The Straits Times* 15/9/1886
- Federated Malay State Railways Annual Reports 1939*
- A History of Kuala Lumpur 1856-1939*



Pencetus idea pembinaan landasan keretapi Kuala Lumpur - Klang.



Kuala Lumpur and its Communications
Sketch map showing the development of road and rail communications round Kuala Lumpur in the period 1870-95

Lakaran menunjukkan jalan perhubungan air, jalan raya dan keretapi.



Suasana stesen keretapi di Kuala Lumpur di awal pembukaannya.

KESULTANAN DALAM BUDAYA POLITIK MELAYU


OLEH : MOHD LOTFI BIN NAZAR

Induk Berpolitik dan pemerintahan Melayu adalah raja. Ada raja baharulah wujud kerajaan dan pemerintahan. Selepas ditabalkan, seorang raja akan bergelar Sultan atau Yang DiPertuan. Sultan yang memerintah memiliki daulat. Sultan yang berdaulat bererti seluruh negeri dan kerajaannya juga berdaulat. Daulat bererti berkuasa, kesejahteraan dan kebahagiaan. Aura daulat Sultan diperbina oleh tiga unsur iaitu agama, adat dan resam leluhur Melayu yang diwarisi turun-temurun serta seluruh pembesar, hamba dan rakyat Melayu yang menyokong Baginda tanpa persoalan.

'Tinggi daulat raja, aman damailah kerajaan Dan makmurlah negeri serta rakyat Baginda'

Di negeri Selangor, kedudukan Sultan di mercu pemerintahan dan pemegang tonggak kuasa negeri dirakam dan diperlembagakan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor, 1959 di halaman 13 sebagaimana berikut :

"Orang yang paling tinggi dimaksudkan sebagai ketua negeri dan termasuklah keturunan dan waris-warisnya, kaum kerabatnya atau wakil-wakil kerabat sekiranya tiada waris yang berhak untuk menjadi Ketua Negeri. Ketua Negeri sekiranya yang dimaksudkan di sini ialah sebagai Sultan"



Sebuah kapal 'Steamer' milik British sedang melalui Sungai Klang pada awal tahun 1870-an. Kelihatan juga masjid yang terawal di daerah Klang pada ketika itu.

Sesuai dengan peredaran zaman dan pertukaran masa, kedudukan dan kedaulatan raja Negeri Selangor Darul Ehsan dan raja-raja negara ini bukan sahaja wujud dalam kekudusan kepercayaan semata-mata malah diperlembangkan secara Undang-Undang Tertinggi Negara Malaysia dalam Perlembagaan Persekutuan. Baginda tertakluk kepada Perlembagaan tersebut.

Baginda adalah lambang perpaduan rakyat semua kaum. Baginda menjadi pelindung kepada rakyat Baginda, khususnya bangsa Melayu menjadi Ketua Adat Istiadat Melayu dan Ketua Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Sultan juga adalah lambang kedaulatan negeri dan negara. Taat setia kepada Sultan bererti taat setia kepada negeri dan negara. Jadilah Baginda raja yang berperlembagaan. Sistem pemerintahan negeri dan negara ini juga menjadi Sistem Raja Berperlembagaan di dalam ruang demokrasi berparlimen.



Naskhah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor Tahun 1959.

Pembentukan negeri Selangor sebagai satu kesatuan politik adalah dengan bantuan orang-orang Bugis. Orang-orang Bugis tiba di negeri Selangor sebelum abad ke-18. Ketika itu sudah ada perkampungan namun belum ada sebuah kerajaan yang dibentuk sehinggalah Opu Lima Bersaudara berketurunan Bugis dari Sulawesi Selatan, Indonesia melibatkan diri dalam kancan pergolakan politik negeri-negeri di Tanah Melayu. Sewaktu berlakunya perebutan takhta di Johor pada awal abad ke-18, Opu Bugis bersaudara berjaya meluaskan pengaruh mereka ke Selangor (Sungai Selangor), Klang, dan Langat yang mana disambut baik oleh peneroka awal keturunan Bugis. Putera kepada Opu Daing Chelak iaitu Raja Lumu ditabalkan menjadi Sultan Selangor yang pertama pada tahun 1766 bergelar Sultan Salehuddin. Semenjak dari itulah bermulanya tradisi Kerajaan dan Kesultanan Selangor Darul Ehsan (Pada zaman lebih awal, Selangor menggunakan perkataan *Darul Khusus* dan bukannya *Darul Ehsan*).



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj (2001 - masih bertakhta).

Puncak Institusi Kesultanan Negeri Selangor Darul Ehsan ialah pemerintah yang bergelar Sultan. Di antara tugas-tugas Sultan ialah menjalankan hubungan luar negeri dan mendukung serta melambangkan perpaduan. Gelaran untuk jawatan yang terpenting selepas Sultan ialah Raja Muda. Raja Muda merupakan timbalan kepada Sultan dan juga bertindak sebagai ketua kepada anggota zuriat diraja sebagai satu kumpulan. Raja Muda merupakan perantaraan atau saluran hubungan di antara Sultan dan kerabat diraja. Semenjak Institusi Kesultanan Negeri Selangor Darul Ehsan diasaskan hampir 250 tahun yang lalu (1766) seramai sembilan orang sultan telah memerintah negeri Selangor. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj merupakan Sultan Selangor yang terkini dan masih bertakhta. Baginda dilantik sebagai *Sultan Selangor Dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Dan Daerah Takluknya* pada tahun 2001.



Sepanjang tempoh tersebut, Kuala Selangor merupakan ibu negeri dan kota diraja rasmi yang pertama di negeri Selangor iaitu pada tahun 1766 sehingga mangkatnya Sultan Selangor yang ke-3 iaitu Sultan Muhammad Ibni Sultan Ibrahim pada tahun 1857. Selama 91 tahun Kuala Selangor menjadi ibu kota dan pusat pemerintahan negeri Selangor sehinggalah ibu kota dan pusat pemerintahan negeri Selangor berpindah ke Langat, Kuala Langat pada tahun 1857 dan seterusnya ke Jugra, Kuala Langat pada tahun 1876 di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah. Selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad pada tahun 1898, pemerintahan negeri Selangor diteruskan oleh Sultan Alaeddin Suleiman Shah Ibni Raja Muda Musa. Baginda masih mengekalkan Kuala Langat sebagai ibu negeri, kota diraja dan pusat pemerintahan sehingga baginda membina istana pemerintahan rasmi yang baru di Klang iaitu Istana Mahkota Puri (dikenali juga sebagai Istana Mahkota).



Istana Langat yang pernah menjadi istana rasmi Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah pada tahun 1857 yang dibina berasaskan kayu di Langat.

Istana Mahkota Puri, Klang dibina berasaskan senibina Moghul, Arab dan Melayu. Baginda Sultan Alaeddin Suleiman Shah memindahkan ibu negeri, kota diraja dan pusat pemerintahan Baginda dari Bandar Temasha, Kuala Langat ke Klang setelah Istana Mahkota Puri siap dibina pada tahun 1903. Istana Mahkota Puri yang terletak di Bukit Istana, Klang pernah menjadi istana rasmi Sultan Alaeddin Suleiman Shah Alhaj selepas pertabalan Baginda pada 6 November 1903. Namun pada tahun 1956, Istana Mahkota Puri, Klang telah dirobokkan dan digantikan dengan Istana Alam Shah yang kekal sehingga kini. Oleh itu, Kuala Langat menjadi ibu kota dan pusat pemerintahan negeri Selangor selama 46 tahun iaitu dari tahun 1857 hingga 1903 sebelum berpindah ke Klang. Bermula dari tahun 1903 hingga kini, daerah Klang masih kekal menjadi kota diraja walaupun ibu kota dan pusat pemerintahan negeri Selangor telah berpindah ke Shah Alam. Sehingga kini, Klang menjadi pengganti kepada Kuala Langat sebagai 'Kota atau Bandar Diraja' untuk tempoh selama 112 (1903 - 2015) tahun.



Istana Alam Shah di Bukit Istana, Klang yang menjadi tempat berlangsungnya beberapa Istiadat Rasmi Diraja Selangor.

Justeru, tidak hairanlah di mana sahaja daerah dan juga jajahan takluk di negeri Selangor yang pernah menjadi ibu kota, kota diraja dan pusat pemerintahan negeri Selangor akan terdapatlah makam-makam diraja, istana-istana mahupun kota-kota pertahanan yang menjadi warisan peninggalan sejarah dan peristiwa masa silam negeri Selangor. Kelangsungan dan kesinambungan pemerintahan sultan-sultan di negeri Selangor semenjak tahun 1766 merupakan 'turning point' yang amat penting kepada kewujudan sebuah negeri bernama 'Selangor Darul Ehsan' pada hari ini yang diterajui oleh kelompok masyarakat Melayu Bugis yang berakar umbi dari daerah Sulawesi Selatan, Indonesia suatu ketika dahulu. Selangor merupakan sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang tidak diperintah oleh keturunan dari raja-raja Melayu tempatan sama ada yang mempunyai kelangsungan dengan kesultanan Melaka, Perak dan sebagainya.

Sehubungan itu, sejarah dan peristiwa masa silam yang melibatkan perjuangan dan pengorbanan sultan-sultan terdahulu dalam menentang penjajahan pihak asing dan seterusnya mewujudkan sebuah entiti politik yang akhirnya terbentuk 'Negeri Selangor dan Daerah Takluknya' pada hari ini amat wajar dirakamkan dalam lipatan sejarah negara. Justeru, dalam budaya politik Melayu, Sultan atau Yang DiPertuan menduduki puncak politik dan pemerintahan negeri. Baginda ditopang dan disangga oleh pembesar istana, para menteri negeri, pembesar dan penggawa daerah, penghulu di mukim dan di kampung. Mereka adalah tonggak berkerajaan. Bak kata pujangga Melayu; "Kukuh dan sejahtera di puncak maka sejahtera dan aman damailah seluruh negeri. Kecuh di puncak, maka bergelora dan bergelombanglah pula hidup hamba rakyat dan negeri".



Oleh: bonZRIZAL

Di Kuala Selangor..
Muziumnya terletak di
atas Bukit Malawati..

Bangunan ini..
Merupakan bekas
kediaman rasmi Pegawai
Daerah sejak dari tahun
1920-an lagi..



Istimewanya..
Muzium ini mempamerkan
sejarah berkaitan dengan
Daerah Kuala Selangor sebagai
tapak Kesultanan Melayu
Selangor yang diasaskan
oleh *Raja Lumu pada
tahun 1766..



Pameran
di muzium ini
lebih mesra
pengguna..

..dengan
menyediakan
7 seksyen secara
kronologi sejarah
Daerah Kuala
Selangor..

..dibuka setiap
hari, dari jam
9.30 pagi hingga
5.30 petang..

Kawan-kawan..
Jemput la
datang ke sini
ya..

BERSAMBUNG..

*ALMARHUM SULTAN SALEHUDDIN - SULTAN SELANGOR PERTAMA

Siapa Saya?



Saya sejenis alat permainan tradisional. Badan saya diperbuat daripada kayu yang mempunyai **16 buah lubang**. Semasa bermain, badan saya perlu diisi dengan beberapa biji guli. Sambung titik-titik di bawah untuk mengetahui siapa saya.



Jawapan :

□ □ □ G □ A □

Layari www.adatwaris.padat.gov.my untuk maklumat lanjut.



Jasamu Dikenang

OLEH : RAJA NOORAIN BINTI RAJA APAN

Pada 25 Februari 2015, telah berlangsung satu majlis penghargaan untuk ahli lembaga PADAT. Selain itu, turut diadakan satu slot khas bertemakan "Sepanjang Jalan Kenangan" bagi meraikan khidmat bakti Puan Hajah Azlinda binti Azman, mantan Ketua Pegawai Eksekutif yang telah berkhidmat selama lebih 4 tahun.

Majlis turut dihadiri oleh beberapa orang ahli lembaga PADAT seperti Y.D.M. Profesor Madya Dato' Dr. Tengku Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj, YBhg. Prof. Dr. Lim Swee Tin, Puan Zubaidah binti Sual dan Puan Roslinah binti Md. Jani serta YBhg. Datin Wan Rabiah Binti Wan Mohd Yusof. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diserikan dengan persembahan tarian daripada Artis Budaya Kumpulan Kesenian PADAT. Puan Shahrulniza binti Nenin telah mendeklamasikan sebuah puisi yang sangat menyentuh hati khas untuk Puan Hajah Azlinda.

Di samping itu, Puan Hajah Azlinda turut memberikan ucapan. Beliau menyatakan bahawa sepanjang beliau mengemudi PADAT, telah banyak cabaran dan dugaan yang dihadapi menjadikannya lebih matang. Walaupun majlis berlangsung dengan ringkas namun penuh bermakna. Majlis ini juga turut memberi cenderamata tanda penghargaan kepada ahli lembaga PADAT termasuklah kepada Puan Hajah Azlinda. Majlis diakhiri dengan acara bersalaman dengan para tetamu yang diraikan bersama para pegawai dan staf. Semua tetamu bergambar beramai-ramai sebagai kenang-kenangan.



Puan Hajah Azlinda telah disambut dengan pemberian sejambak bunga.



Gerak langkah masuknya diiringi oleh kakitangan PADAT



Acara menjamah sirih oleh Puan Hajah Azlinda.



Penyampaian cenderamata penghargaan untuk Puan Hajah Azlinda.



Puan Hajah Azlinda terharu dengan deklamasi puisi yang dibacakan oleh Puan Shahrulniza.